



**BORANG PERMOHONAN
DAN AKU JANJI
BAGI AKTIVITI PASAR SEMENTARA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP)**

PENGANJUR / INDIVIDU

**Potong Yang Mana Berkenaan*

1. Nama Penganjur / Pemohon : _____

2. Alamat Surat - Menyurat Penganjur / Pemohon: _____

3. Lokasi Penganjuran Pasar Sementara / Lokasi Perniagaan:

Sama Seperti Lokasi Pasar Malam Sedia Ada

Lokasi Lain, Nyatakan: _____

4. Jumlah Peniaga Selepas Penjarakan Sosial Dilaksanakan (Sekiranya Penganjur) : _____

5. Hari Penganjuran / Hari Perniagaan: _____

6. Masa Operasi: **(Pilih Satu Sahaja)**

7.00 Pagi – 2.00 Petang

1.00 Petang – 7.00 Malam


7. Pendaftaran MySejahtera : Telah Daftar Belum Daftar
(Sila lampirkan untuk semakan MBSP)

Cop Penganjur / Nama Pemohon :

Tarikh :

**LAKARAN PELAN LOKASI TAPAK PASAR
SEMENTARA**

**(Sila Buat Lakaran Pelan Tapak Lokasi Penganjuran Dengan
Penandaan Penjarakan Sosial & Kawalan Pintu Keluar / Masuk)**



AKU JANJI DAN SETUJU TERIMA:

Saya dengan ini mengaku dan berjanji akan mengambil tindakan seperti berikut:

1. Menjalankan dan menguruskan aktiviti PASAR SEMENTARA / BERNIAGA DI LOKASI ini **DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SAHAJA** atau **SEHINGGA OPERASI PASAR MALAM DIBENARKAN BEROPERASI SEMULA**. Selepas tamat tempoh tersebut, aktiviti Pasar Malam akan dijalankan semula di lokasi yang telah diluluskan dan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.
2. Mematuhi segala peruntukan Undang-Undang yang sedang berkuatkuasa dan Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa sepanjang operasi PASAR SEMENTARA.
3. Memberi kerjasama kepada Pihak Berkuasa dalam tempoh operasi PASAR SEMENTARA bagi tujuan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

SALINAN DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN (YANG MANA BERKAITAN)

1.	Salinan Sijil Pertubuhan <i>Sekiranya Penganjur Baru (bukan penganjur sedia ada)</i>
2.	Lesen Penjaja <i>(bagi permohonan Individu)</i>
3.	Salinan Pendaftaran MySejahtera

TANDATANGAN :

NAMA PEMOHON :

NO. KAD PENGENALAN :

NO. TELEFON :

ULASAN MBSP

LULUS UNTUK BEROPERASI

TIDAK LULUS : _____



PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI AKTIVITI PASAR SEMENTARA

1.0 TANGGUNGJAWAB PENGANJUR & PENIAGA DIBAWAH PENGANJUR

- 1.1 Mendapatkan kelulusan untuk operasi Pasar Sementara dari pihak Majlis bagi menggantikan aktiviti pasar malam sama ada di lokasi sedia ada atau lokasi lain yang bersesuaian. Borang permohonan dan aku janji adalah seperti di lampirkan
- 1.2 Penyediaan laluan masuk dan laluan keluar yang jelas beserta kawalan
- 1.3 Menjalankan saringan kesihatan melalui pemeriksaan suhu badan. Bagi mana-mana peniaga dan orang awam yang mempunyai suhu badan 37.5^ocelcius atau lebih tidak dibenarkan berurusan
- 1.4 Mempamerkan *QR Code MySejahtera* pada laluan masuk dan mengambil rekod kehadiran peniaga, petugas dan pengunjung melalui aplikasi *MySejahtera* atau secara manual
- 1.5 Mewajibkan penggunaan pelitup muka kepada semua yang berurusan di lokasi Pasar Harian Sementara
- 1.6 Penyediaan *Hand Sanitizer* berasaskan alkohol di laluan masuk
- 1.7 Menyediakan petugas yang mencukupi bagi membuat kawalan penjarakan sosial dan ditandakan dengan jelas pada lantai Pasar Sementara (jarak sekurang-kurangnya 1 meter)
- 1.8 Mengawal jumlah kemasukan pengunjung dalam Pasar Sementara pada satu-satu masa agar tidak sesak dan menetapkan maksimum 3-5 orang pengunjung di setiap meja jualan pada satu-satu masa
- 1.9 Memastikan penyusunan gerai antara peniaga dibuat dengan jarak 2.0 meter

- 1.10 Operasi Pasar pagi dibenarkan sebanyak dua (2) kali seminggu sahaja
- 1.11 Jenis jualan yang dibenarkan:
 - a) Semua jenis jualan barangan basah dan kering
 - b) Perniagaan jenis barangan keperluan harian

2.0 TANGGUNGJAWAB PENIAGA YANG BERNIAGA SENDIRI (TANPA PENGANJUR)

- 1.1 Mana-mana peniaga yang memilih untuk berniaga sendiri perlu mempunyai lesen penjaja yang dikeluarkan Majlis dan belum tamat tempoh serta mendapatkan kelulusan dari Pihak Majlis terlebih dahulu
- 1.2 Berniaga di lokasi yang tidak menimbulkan halangan lalulintas dan kacau ganggu kepada orang awam dan mematuhi Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih serta peruntukan undang-undang sedia ada
- 1.3 Melakukan kawalan sendiri di tapak melalui penyediaan *QR Code* MySejahtera, saringan suhu badan pengunjung, kawalan perimeter premis, penyediaan hand sanitizer serta memakai pelitup muka
- 1.4 Penjarakan antara gerai bersebelahan (sekiranya ada) adalah dengan jarak 2.0 meter
- 1.5 Hanya peniaga yang menjual makanan dan minuman sahaja dibenarkan. Lain-lain jenis jualan seperti pakaian, kasut, barangan basah, barangan Am adalah tidak dibenarkan.

3.0 WAKTU OPERASI PASAR SEMENTARA

- 3.1 7.00 Pagi – 2.00 Petang sahaja **ATAU** 1.00 Petang – 7.00 Malam sahaja

4.0 PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- 4.1 Menjalankan pengasingan sisa di punca bagi pihak penganjur dan juga peniaga yang berniaga sendiri
- 4.2 Sampah yang dihasilkan hendaklah dibersihkan dan dilupuskan di lokasi yang ditetapkan Majlis
- 4.3 Pihak penganjur dan peniaga bertanggungjawab mengawalselia aspek kebersihan sebelum, semasa dan selepas operasi perniagaan serta memastikan tapak serta lokasi perniagaan berada dalam keadaan yang bersih

5.0 LAIN-LAIN

- 5.1 Bagi lokasi penganjuran Pasar Sementara yang tidak mempunyai penganjur atau penganjur sedia ada tidak berminat untuk meneruskan penganjuran, permohonan untuk penganjuran boleh dibuat oleh mana-mana pihak yang berminat untuk menguruskan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja atau sehingga aktiviti pasar malam dibenarkan beroperasi semula
- 5.2 Selepas tamat tempoh tersebut, aktiviti penganjuran adalah berbalik kepada penganjur sedia ada dan peniaga pasar malam perlu menjalankan perniagaan mengikut tempoh waktu penganjuran pasar malam sedia ada
- 5.3 Semua peniaga perlu mematuhi Garis Panduan dan peruntukan undang-undang sedia ada yang sedang berkuatkuasa.